



UniKL MSI perkenal dua kursus baharu

Oleh AZELI ALI

UNIVERSITI Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI) kini bersedia sepenuhnya untuk memperkenalkan dua kursus baharu yang akan memulakan sesi pengajian pada September ini bagi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Kepujian).

Dua kursus itu adalah Sarjana Muda Reka Bentuk Mekanikal dan Elektronik Gunaan yang turut membuka ruang kepada mereka yang berada dalam industri untuk mendapatkan ijazah secara separuh masa.

Penyelaras kursus Reka Bentuk Mekanikal, Johan Ihsan Mahmood berkata, pihaknya amat mementingkan kehendak industri dalam menyediakan silibus kursus itu yang

pertama seumpamanya di institusi pengajian tinggi (IPT) di Utara.

Menurutnya, industri kini memerlukan jurutera yang bukan sahaja berkemahiran dalam bidang kejuruteraan biasa mencari mereka yang memiliki pengkhususan terutama dalam bidang reka bentuk mekanikal.

“Biasanya pihak industri terpaksa meluangkan masa untuk melatih jurutera baharu dalam bidang reka bentuk kerana kebanyakan IPT mengeluarkan graduan dalam bidang kejuruteraan biasa.

“Jadi melalui kursus yang ditawarkan di UniKL MSI ini, masa latihan itu dapat dijiatmatkan dan graduan boleh terus memfokuskan tugas mereka di industri.

“Selain untuk lepasan Sijil Pelajaran



JOHAN IHSAN
MAHMOOD

NAJWAN OSMAN ALI

Malaysia (SPM), diploma, matrikulasi, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang mengambil kursus sepenuh masa, kita juga tawarkan pengajian secara separuh masa,” katanya.

Jelas Johan, dengan cara itu mereka yang berpengalaman dalam kerjaya tetapi ingin memiliki ijazah atau meningkatkan kelayakan akademik mereka boleh mengikuti pengajian separuh masa.

Tambahnya, mereka yang memiliki pengalaman kerja boleh menjimatkan sehingga setahun tempoh pengajian berbanding empat tahun bagi pelajar biasa.

Untuk memulakan sesi pengajian itu, UniKL MSI telah bersedia dengan kelengkapan serta kemudahan yang mematuhi kehendak industri selain dilengkapi mesin dan teknologi yang terkini.

“Pelajar yang mengikuti kursus ini akan didedahkan dengan perkara asas kejuruteraan pada tahun pertama pengajian sebelum mula diperkenalkan dengan subjek berkaitan pada semester seterusnya.

“Selain itu pelajar juga akan menjalani

latihan industri di syarikat-syarikat terpilih pada tahun pertama pengajian bagi memberi pengalaman kepada mereka serta melengkapkan projek tahun akhir yang berkaitan dengan subjek ini,” ujarnya.

Sementara itu Penyelaras kursus Elektronik Gunaan, Najwan Osman Ali berkata, fokus untuk program ini adalah Elektronik Am, Frekuensi Radio dan Tanpa Wayar, Reka bentuk Pengesanan Litar Bersepadu dan Sistem Terbenam.

Menurutnya, program itu disokong sepenuhnya oleh Pusat Teknologi Elektronik Gunaan manakala Latihan Persijilan Industri Teknologi Elektronik Gunaan pula akan meningkatkan keupayaan semasa UniKL MSI dalam teknologi kejuruteraan elektronik berdasarkan keperluan industri terkini.

Bagi meningkatkan kompetensi pelajar, tiga program persijilan telah dirangka sebagai program permulaan yang akan dijalankan bersama industri terlibat.

“Kita akan menjalankan persijilan reka bentuk sistem frekuensi radio bersama Keysight Tech., Amerika Syarikat serta persijilan pengukuran frekuensi radio oleh Dreamcatcher Asia Ltd.

“Selain itu untuk meningkatkan kecekapan pelajar di sini sepanjang kursus itu berlangsung, mereka juga boleh mendapatkan persijilan pembangunan sistem automasi oleh SMC Pneumatics International,” ujarnya.

Beliau menambah, kursus yang disokong oleh Program Latihan Persijilan Industri Teknologi Elektronik Gunaan itu akan menambahkan program sedia ada serta menjadi tumpuan semua latihan pengajaran dan pembelajaran elektronik di utara tanah air.



PELAJAR menjalankan kerja-kerja makmal di UniKL MSI.